

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: HARI KEBANGSAAN YANG KE-34

TEMPAT: RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA

TARIKH: 31 AUG 1991

MASA:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, dan salam bahagia.

Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan izinNya dapat kita sekali lagi menyambut Hari Kebangsaan -- Hari Kemerdekaan negara kita.

2. Kini genap 34 tahun negara kita merdeka dan dalam tempoh lebih dari tiga dekad ini, banyak peristiwa dan perkembangan yang telah dialami oleh negara. Perayaan Hari Kebangsaan memberi peluang kepada kita untuk merenung dan mengimbas kembali perkembangan serta pencapaian-pencapaian kita selama ini dengan penuh kesedaran bahawa negara kini bebas daripada penjajahan, baik penjajahan fizikal mahupun politik. Meskipun demikian, kita hendaklah sentiasa berwaspada kerana penjajahan dalam bentuk lain masih boleh berlaku dalam dunia sekarang, iaitu melalui penguasaan ekonomi dan pemikiran.

3. Kita juga harus bersyukur kerana dengan kebebasan dan kekuatan ekonomi yang telah kita capai serta kestabilan politik, kita mampu memilih dan menentukan hala, bentuk, serta kepesatan kemajuan yang kita mahukan untuk kita dan generasi akan datang. Yang penting bagi kita sekarang ialah menggunakan sepenuhnya kesetabilan dan sumber-sumber yang ada pada kita, terutamanya sumber manusia, supaya matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara maju akan menjadi satu realiti. Sebagai sebuah negara yang berdaulat dan bebas, tidak ada sebab hasrat kita ini tidak boleh dicapai jika kita semua bekerjasama dan berusaha dengan gigih dan tekun.

4. Memang benar tidak semua rakyat faham serta dapat menghayati erti kemerdekaan sebenarnya. Ini lebih-lebih lagi dengan peningkatan bilangan penduduk yang dilahirkan selepas merdeka. Generasi yang lahir selepas merdeka ini tidak merasai pahit-maung kehinaan sebagai bangsa dan negara yang dijajah. Tetapi sekurang-kurangnya rakyat, terutama generasi muda, perlu sentiasa disedarkan serta memahami akan sejarah sebelum dan selepas merdeka. Dengan adanya kesedaran dan kefahaman ini, mereka akan lebih menghargai dan bersyukur di atas kestabilan, kesejahteraan dan kemakmuran yang dinikmati sekarang.

5. Kemerdekaan yang bermaksud hanya kebebasan tidak

bermakna jika ianya tidak disertai dengan pembangunan dan kemajuan. Kemerdekaan hanya bermakna apabila rakyat turut sama menikmati pembangunan dalam erti kata sepenuhnya. Pembangunan yang dimaksudkan di sini ialah pembangunan daripada segi politik, ekonomi, sosial, moral, etika dan lain-lain yang menjadikan kehidupan lebih bahagia. Janganlah kita fikir bahawa kemerdekaan tetap akan membawa kebahagiaan kerana banyak negara-negara yang mencapai kemerdekaan selepas Perang Dunia Kedua, mengalami keadaan tidak stabil dan merosot prestasi mereka.

6. Kini kita telah sampai ke satu persimpangan jalan dengan berakhirnya tempoh Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan bermulanya era Dasar Pembangunan Nasional (DPN) yang akan menentukan arah dan matlamat negara di masa hadapan. Di samping itu, kita juga telah melancarkan Rancangan Malaysia Keenam (RM6) yang merupakan fasa pertama DPN dalam usaha kita untuk mencapai taraf sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Dengan pelancaran DPN dan RM6, maka asas utama bagi negara menuju ke tahap sebuah negara yang maju, telahpun didirikan.

7. Walaupun Wawasan 2020 telah banyak diperkatakan, namun masih ada yang belum betul-betul faham akan matlamat sebenar Wawasan ini. Ramai yang berpendapat bahawa menjelang tahun 2020, Malaysia akan menjadi sebuah negara industri dengan pendapatan sekepala rakyat Malaysia meningkat kepada US\$10,000 dolar setahun. Industri dan pendapatan memang menjadi ukuran pembangunan, tetapi negara maju yang dimaksudkan juga bermakna rakyat lebih berilmu, memiliki nilai-nilai dan sifat-sifat yang mulia, bersikap penyayang dan bertimbangrasa, menghargai dan memelihara alam sekitar dan beragama. Pendapat bahawa penderitaan di dunia bermakna kebahagiaan di akhirat dan sebaliknya kebahagiaan di dunia bermakna penderitaan di akhirat tidak berasas. Imbangan antara dunia dan akhirat adalah perlu dalam Negara Maju Malaysia yang menjadi Wawasan kita. Oleh yang demikian, adalah amat wajar sekali Hari Kebangsaan tahun ini bertemakan 'Wawasan 2020'. Melalui tema ini, rakyat boleh disedarkan mengenai hala tujuan negara di masa hadapan, maksud dan makna negara maju, dan cara-cara bagaimana kita boleh mencapai matlamat kita.

8. Dalam konteks ini, setiap anggota masyarakat daripada pemimpin-pemimpin Kerajaan, Eksekutif-eksekutif dan pekerja-pekerja sektor swasta, Pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan, para peniaga, serta rakyat keseluruhannya perlu berganding bahu, bekerjasama dan berusaha bersungguh-sungguh supaya matlamat menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020 tercapai.

9. Untuk mencapai matlamat ini juga, satu faktor yang perlu wujud ialah perpaduan masyarakat. Perpaduan hendaklah berasaskan dan bermakna persefahaman di antara dan di dalam kaum dan perwujudan sifat penyayang atau "caring" di antara satu sama lain. Justeru itu, amatlah penting dipraktikkan prinsip hidup bertoleransi dan sikap bantu-membantu sesama

kita. Kita perlu mengelakkan kegiatan-kegiatan yang boleh mengancam keamanan dan keharmonian negara. Bersatu juga bererti mendokong bersama konsep demokrasi serta sehati dan sejiwa dalam menghadapi cabaran-cabaran di masa akan datang. Yang penting ialah kita perlu berusaha dengan gigih, tekun, berdisiplin, serta sanggup mendahulukan kepentingan negara daripada kepentingan diri. Sebenarnya mengutamakan kepentingan negara, dalam jangka panjang akan membawa lebih banyak nikmat kepada diri sendiri.

10. Untuk menjamin negara akan terus mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat, Kerajaan akan meneruskan dasar-dasar yang liberal dan pragmatik yang mampu menarik lebih banyak lagi pelaburan dari dalam dan dari luar negeri. Kita juga akan meluaskan lagi asas pembuatan kita dengan menggalakkan industri yang berteknologi tinggi dan canggih serta meningkatkan lagi kegiatan Penyelidikan dan Pembangunan atau R & D. Para pengusaha dan pengeksport kita juga perlu meningkatkan lagi kecekapan dan produktiviti supaya negara menjadi lebih kompetitif. Pekerja juga mempunyai peranan yang penting untuk mewujudkan suasana yang sesuai untuk pertumbuhan ekonomi. Jika sengketa majikan - pekerja kerap berlaku, maka pelaburan akan terjejas dan pengangguran tidak akan dapat diatasi. Dalam keadaan ini pendapatan pekerja tidak mungkin meningkat.

11. Daripada segi pembangunan akhlak pula, adalah penting kita menyediakan bagi generasi muda kita kemudahan pendidikan dan ajaran yang dapat melahirkan perwatakan atau personaliti yang mana nilai-nilai seperti amanah, bertanggungjawab, hormat-menghormati antara satu sama lain dan semangat untuk berdaya maju merupakan falsafah hidup. Selain daripada itu, yang harus dijadikan teras utama hidup rakyat kita menjelang tahun 2020 ialah kekukuhan institusi kekeluargaan. Ini akan dapat menghindarkan dari timbulnya masalah sosial seperti penderaan kanak-kanak dan isteri, penyalahgunaan dadah, penyakit AIDS dan sebagainya.

12. Petunjuk-petunjuk yang ada sekarang menunjukkan kita berada di arus yang betul. Pencapaian ekonomi kita boleh dibanggakan kerana kita bukan sahaja mampu mencatat kadar pertumbuhan yang tinggi sehingga sebanyak 10 peratus bagi tahun 1990, tetapi juga kadar inflasi kita adalah di antara terendah di dunia, dengan kadar sebanyak 3 peratus. Di samping itu, Kerajaan telah dapat mengurangkan kemiskinan di kalangan rakyat, dan dengan tindakan-tindakan yang dirancang termasuk latihan dan peluang pekerjaan, ianya dijangka menurun lagi menjelang dekad-dekad akan datang. Meskipun begitu, kita tidak harus berpuas-hati dengan pencapaian kita kerana pertumbuhan ekonomi harus dikekalkan dan ditingkatkan jika kita ingin menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Kita semua harus sanggup menggugurkan cara-cara lama yang tidak sesuai dan menggantikannya dengan cara-cara baru yang lebih mampu membantu pencapaian matlamat kita.

13. Janganlah tema ini menjadi hiasan sahaja. Kita haruslah bersama-sama menerapkan semangat tema sambutan Hari

Kebangsaan ini serta menghayati makna dan semangatnya.  
Insya-Allah akan kita berjaya.